

# PERSEPSI GOLONGAN ATEIS MALAYSIA TERHADAP KONSEP KEADILAN TUHAN

## *THE PERCEPTION OF MALAYSIAN ATHEISTS ON THE CONCEPT OF DIVINE JUSTICE*

Nurhanisah Senin<sup>1\*</sup>  
Hamidun Mohamad Husin<sup>2</sup>  
Nazneen Ismail<sup>3</sup>  
Norsaleha Mohd Salleh<sup>4</sup>  
Mustafa Kamal Amat Misra<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Universiti Sains Islam Malaysia. Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan (Email: [nurhanisah.senin@usim.edu.my](mailto:nurhanisah.senin@usim.edu.my))

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor. Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor (E-mail: [hamidun@uis.edu.my](mailto:hamidun@uis.edu.my))

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor. Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor (E-mail: [nazneen@uis.edu.my](mailto:nazneen@uis.edu.my))

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor. Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor (E-mail: [norsaleha@uis.edu.my](mailto:norsaleha@uis.edu.my))

<sup>5</sup> Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Universiti Sains Islam Malaysia. Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan (Email: [mustafakamal@usim.edu.my](mailto:mustafakamal@usim.edu.my))

\*Corresponding author: [nurhanisah.senin@usim.edu.my](mailto:nurhanisah.senin@usim.edu.my)

### Article history

**Received date** : 19-6-2025  
**Revised date** : 20-6-2025  
**Accepted date** : 25-7-2025  
**Published date** : 15-8-2025

### To cite this document:

Senin, N., Mohamad Husin, H., Ismail, N., Mohd Salleh, N., & Amat Misra, M. K. (2025). Persepsi golongan ateis Malaysia terhadap konsep keadilan Tuhan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 656 - 672..

**Abstrak:** *Persoalan teodisi atau keadilan Tuhan sering dibincangkan dalam kalangan golongan ateis. Soalan lazim yang dilontarkan adalah bagaimana Tuhan yang baik dan berkuasa membiarkan kejahatan, penderitaan dan bala bencana berlaku. Sedangkan Tuhan mampu untuk menghentikan perkara tersebut daripada terjadi. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengkaji persepsi golongan ateis Malaysia terhadap konsep keadilan Tuhan. Kajian ini menggunakan metode kualitatif menerusi temu bual yang dijalankan dengan lima responden ateis. Hasil dapatan menunjukkan golongan ateis mempunyai persepsi yang negatif terhadap konsep keadilan Tuhan disebabkan oleh fenomena yang berlaku sekitar kehidupan mereka serta fenomena kehidupan secara umumnya. Mereka mengaitkan secara langsung kejahatan yang berlaku dengan keadilan Tuhan sehingga timbul persepsi yang negatif terhadap Tuhan dan seterusnya ingkar dalam mempercayai kewujudan Tuhan. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan salah faham golongan ateis tentang konsep keadilan Tuhan yang sebenar perlu dicerakinkan supaya dapat diberikan kefahaman yang lurus berkaitan konsep teodisi Islam. Usaha untuk menyebarkan konsep teodisi Islam yang sebenar boleh dilakukan melalui wacana keagamaan serta pendidikan yang menyeluruh di pelbagai peringkat sebagai langkah pencegahan terjerumus ke dalam fahaman ateisme.*

**Kata kunci:** *Ateis Malaysia, persepsi, keadilan Tuhan, teodisi.*

**Abstract:** *Theodicy, or the justice of God, is a frequently discussed issue among atheists. A common question raised is how a benevolent and omnipotent God can allow evil, suffering, and calamities to occur when He has the power to prevent them. Therefore, this paper aims to examine the perceptions of Malaysian atheists on the concept of divine justice. This study employs a qualitative method through interviews conducted with five atheist respondents. The findings indicate that atheists tend to have a negative perception of divine justice due to the phenomena occurring in their lives and in life in general. They directly associate the existence of evil with divine justice, leading to negative perceptions of God and ultimately rejecting belief in His existence. The implication of this study suggests that the misunderstanding of atheists regarding the true concept of divine justice needs to be addressed to provide a clearer understanding of Islamic theodicy. Efforts to disseminate the true concept of Islamic theodicy can be carried out through religious discourse and comprehensive education at various levels as a preventive measure against falling into atheistic ideologies.*

**Keywords:** *Malaysian atheists, perception, divine justice, theodicy.*

## Pengenalan

Dalam satu kajian oleh TNS Malaysia di bawah Worldwide Independent Network (WIN)-Gallup International yang dibuat pada tahun 2014, mendapati 3% daripada rakyat Malaysia adalah ateis dan 20% lagi mengaku tidak beragama (WIN-Gallup International Survey 2014). Walaupun peratusan nampak kecil tetapi ia agak membimbangkan. Pada tahun 2017, fenomena ateisme di Malaysia seterusnya menggegarkan dada akhbar dengan kemunculan kumpulan Atheist Republic Kuala Lumpur yang mengadakan perjumpaan secara terbuka (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/309408/siasat-gerakan-ateis-dalam-kalangan-orang-islam>). Berita ini mengundang kritikan daripada penganut pelbagai agama yang menuntut kerajaan untuk melaksanakan tindakan terhadap keberanian golongan ateis mencabar kedaulatan Rukun Negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada Tuhan.

Kajian menunjukkan kumpulan-kumpulan ateis Melayu semakin aktif mempromosi agenda ateis melalui laman sosial *facebook* seperti Warung Atheist, *Malaysian Atheist Confessions*, *The Malay Atheist* dan laman sosial yang lain yang membawa pemikiran menolak Tuhan dan agama (Muhammad Faisal & Siti Hanisah, 2018; Muhammad Rashidi, 2018; Muhamad Ardani, 2020 & Kauthar Razali et al, 2023).

Corak pemikiran golongan ateis di Malaysia adalah hasil daripada kecelaruan mereka terhadap beberapa konsep agama yang asas iaitu berkaitan pembuktian kewujudan Tuhan, keadilan Tuhan, kehidupan selepas mati, kewujudan syurga dan neraka serta persoalan-persoalan ranting kepada soalan pokok agama yang berkaitan dengan pembuktian kewujudan agama daripada aspek saintifik dan logik. Hasil daripada kajian Rashidi (2018) mendapati ramai daripada kalangan Muslim Malaysia akan berpegang kepada fahaman ateis kerana tidak bertemu dengan jawapan kepada persoalan-persoalan berkaitan konsep ketuhanan yang membuatkan mereka berputus asa terhadap agama Islam.

Secara umumnya, faktor yang menyebabkan golongan ateis murtad dari agama Islam di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu, masalah kejahatan, keadilan Tuhan dan rasionalisme sains (Ahmad Faizuddin Ramli et al, 2022). Pertama, masalah kejahatan telah ditekankan secara jelas oleh golongan ateis dalam menolak kewujudan Tuhan termasuk golongan ateis di Malaysia. Abu Yusuf Malizi (2016) di dalam penulisan blognya

mempersoalkan kezaliman yang berlaku secara terus menerus ke atas penduduk Palestin oleh golongan Zionis sedangkan Allah Maha Berkuasa untuk menghentikan serangan Israel ke atas umat Islam di Palestin (<https://abu-yusufmalizi.blogspot.com/p/tentang-saya.html>).

Antony Flew (2007) seorang pemikir ateis yang mendapat pendidikan awal Kristian dan merupakan anak kepada seorang paderi Kristian, mengambil keputusan untuk menjadi ateis ketika usia remajanya bertitik tolak daripada persoalan berkaitan dengan masalah kejahatan yang dilihat tidak konsisten dengan kewujudan Tuhan dalam agama Kristian. Kenyataan beliau disebutkan dalam buku penulisanannya *There is a God: How the World's Most Notorious Atheist Changes His Mind*. George Buchner menyebutkan persoalan kejahatan ateis sebagai “*immovable boulder of atheism*” ketika debat pada tahun 2013 yang bertajuk “*The Origin of Life: Evolution or Design*”. Michael Ruse menyatakan dengan jelas bahawa kewujudan kejahatan adalah hujah asas baginya untuk menafikan kewujudan Tuhan. Begitu juga dalam kajian yang pernah dilakukan (Elshinawy, 2019 & Ahmad Faizuddin Ramli et al, 2022), seorang lelaki Amerika pernah ditanya “Jika kamu ada peluang bertanyakan kepada Tuhan dan Tuhan dapat jawab soalan itu, apakah yang kamu akan tanya?” lelaki tersebut menjawab “Kenapa wujudnya kesakitan dan kesengsaraan di dunia ini?”. Inilah hujahan logik mereka kerana jika Tuhan Maha Baik sepatutnya Tuhan tidak menciptakan kejahatan (Sami Amiri, 2016).

Faktor kedua adalah keadilan Tuhan yang mempersoalkan bagaimana Tuhan yang adil tidak memberikan nasib yang sama dalam kalangan manusia. Persoalan seperti mengapa ada orang susah dan ada orang senang, orang kaya dan orang miskin sering berlegar dalam perbincangan golongan ateis. Seperti yang dinyatakan dalam blog seorang ateis Muslim Malaysia Abu Yusuf Malizi, sekiranya Islam adalah agama yang benar, mengapa Tuhan tidak menciptakan semua manusia dilahirkan sebagai Muslim? Mengapakah Tuhan menciptakan banyak agama? Mengapa orang Islam sahaja yang menerima Islam? Mengapa dalam ajaran Islam, non-Muslim dimasukkan ke dalam neraka selamanya sedangkan mereka melakukan banyak kebaikan dalam kehidupan sedangkan orang Islam walaupun mereka melakukan kejahatan, selepas mereka dihukum dalam neraka mereka akan dimasukkan ke dalam syurga selamanya? (<https://abu-yusufmalizi.blogspot.com/p/tentang-saya.html>). Persoalan-persoalan ini merupakan perbincangan utama dalam kalangan ateis Melayu di Malaysia.

Faktor ketiga pula ialah berkaitan rasionalisme sains di mana sebahagian ateis mendapati wujudnya polemik dalam sumber agama dalam memberikan justifikasi terhadap perkara-perkara yang bertentangan dengan logik akal dalam agama. Contohnya dalam isu Israk Mikraj, golongan ateis menganggap ianya sebagai bertentangan dengan akal rasional (Ibn Warraq, 1995). Golongan ateis Muslim di Malaysia turut mempersoalkan tentang kisah Nabi menerima wahyu di gua Hira’ (<https://abu-yusufmalizi.blogspot.com/2023/12/apa-yang-berlaku-di-gua-hira-dan-apa.html>).

Oleh kerana kepercayaan manusia berkembang sejajar dengan pengalaman yang dilaluinya. Sekiranya terdapat pengalaman negatif, ianya secara tidak langsung dapat menggugat kepercayaan individu tersebut (Park, 2010). Sebagai contoh pengalaman yang traumatik seperti gangguan seksual ataupun kehilangan orang tersayang. Sama juga seperti masalah kesihatan yang kritikal (Krok et al., 2021), terorisme atau bencana alam yang secara tidak langsung boleh menyebabkan kesan negatif terhadap kepercayaan seseorang kepada agama dan tuhan (Park & Blake, 2020). Begitu juga sewaktu berlaku pandemik COVID-19, terdapat sebahagian kajian yang menunjukkan terdapat kesan terhadap tahap kepercayaan agama (Milman et al, 2020). Episod-episod negatif dalam kehidupan seseorang merupakan antara salah satu faktor yang

menjejaskan kepercayaan kerana terdapat konflik di antara kepercayaan kepada Tuhan yang maha penyayang dan berkuasa. Literatur-literatur di atas menunjukkan salah faham terhadap teodisi menyebabkan golongan ateis berpandangan Tuhan zalim kerana tidak dapat menghapuskan kejahatan dan keburukan di dunia. Ia merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan golongan ateis memilih untuk tidak mempercayai Tuhan. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi golongan ateis terhadap konsep keadilan Tuhan serta analisis menurut perspektif Islam.

### Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual dan analisis kandungan. Instrumen temu bual diaplikasi bagi mendapatkan maklumat berkaitan persepsi ateis terhadap konsep keadilan Tuhan. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan mengambil lima individu ateis sebagai responden. Penentuan pemilihan ateis adalah berdasarkan pandangan mereka tentang kewujudan Tuhan sama ada mereka mempercayai secara yakin Tuhan tidak wujud mahupun ragu-ragu terhadap kewujudan Tuhan yang lebih mirip kepada pemikiran agnostisisme. Asas kepada pemikiran ateisme adalah ketidakpercayaan kepada Tuhan justeru ia menjadi kayu ukur pemilihan sampel kajian ini supaya data yang diperolehi adalah sesuai dengan kajian (al-Badawi, 1980).

Hasil daripada temu bual, kesemua data kajian dianalisis menggunakan pendekatan bertema (thematic analysis). Tema-tema yang dibentuk disemak dalam memastikan pengkodan petikan-petikan adalah selaras dengan tema dan sub-tema serta selaras dengan objektif kajian. Proses seterusnya melibatkan pengkodan hasil temubual dan hasil tersebut dimasukkan ke dalam tema dan sub-tema yang sesuai. Kesemua langkah ini dilaksanakan oleh pengkaji bagi memastikan data kajian dianalisis secara teratur hingga akhirnya menghasilkan satu sumbangan yang dipercayai dan absah. Tema-tema ini disahkan oleh tiga orang pakar dengan purata persetujuan Indeks Cohen Kappa adalah 0.83 yang berada pada skala sangat baik. Nilai tersebut berdasarkan pengiraan yang telah digunakan oleh pengkaji tempatan seperti Kamarul Azmi (2012) yang membuat pengiraan untuk nilai persetujuan Cohen Kappa. Selain daripada itu, analisis data juga dilakukan melalui proses triangulasi data iaitu daripada kaedah temu bual bersama golongan ateis, analisis kandungan menerusi penulisan pemikir ateis Barat serta analisis media sosial ateis seperti Facebook, telegram dan blogspot. Penggunaan triangulasi dalam analisis elemen teodisi dalam pemikiran ateis tidak hanya memperkukuhkan kesahihan penemuan, tetapi juga memperkaya kefahaman pengkaji tentang kepelbagaian argumen ateis berkaitan konsep teodisi.

### Persepsi Ateis Terhadap Keadilan Tuhan

Perbincangan dapatan berkaitan persepsi ateis terhadap keadilan Tuhan boleh dibahagikan kepada tiga perbahasan utama iaitu masalah kejahatan dan penderitaan menurut ateis, masalah ketidaksempurnaan Tuhan dalam menghalang kejahatan dan masalah takdir.

#### Masalah Kejahatan dan Penderitaan

Keadilan Tuhan juga dipersoalkan daripada realiti yang berlaku pada hari ini secara global. Negara-negara yang dianggap tidak beriman kepada Tuhan sering menikmati keamanan dan kemakmuran, manakala mereka yang beriman menghadapi penderitaan yang berpanjangan seperti konflik yang berlaku di Palestin dan beberapa negara yang lain. Fenomena ini mencetuskan persoalan mendalam tentang sifat dan tujuan kekuasaan Tuhan.

*Jika nak cerita tentang Allah itu Berkuasa, apa kuasa yang dimaksudkan? Contoh paling terdekat. Peperangan di Palestin yang sudah menjangkau 70 tahun. Kenapa*

*Allah tak halang kekejaman yang berlaku kepada hambanya sendiri? Dikatakan orang Palestin beriman begitu kuat terhadap Allah. Tapi adakah peperangan tu tanda Tuhan itu berkuasa? Berkuasa untuk menzalimi hambanya sendiri? Sedangkan negara barat yang tak beriman dengan Allah pula tenang dan damai tanpa peperangan. So apa maksud sebenar Tuhan itu Berkuasa? Sedangkan kekejaman dan kejahatan masih berleluasa di bumi ni. So apa gunanya kekuasaan tu. (R3/MS1/020)*

Berdasarkan pandangan ini, kekuasaan Tuhan dipertikai dan dianggap tidak mutlak. Akhirnya, ada pandangan yang menolak kewujudan Tuhan sama sekali atau menganggap bahawa jika Tuhan wujud sekalipun, kekuasaan-Nya tidak mutlak dan terbatas. Hal ini pernah disebut oleh seorang tokoh falsafah iaitu Hume (1779) yang berpandangan bahawa kekuasaan dan kebaikan Tuhan adalah terbatas. Dalam perspektif ini, manusia dilihat sebagai pengurus utama kehidupan mereka sendiri.

Selain itu, beberapa responden meragukan logik yang menyatakan bahawa ujian atau penderitaan yang diberikan oleh Tuhan itu sebagai tanda kasih sayang atau cara untuk mendidik manusia agar menjadi lebih kuat dan sabar. Hal ini juga dilihat tidak logik oleh golongan ateis kerana sifat Tuhan yang Maha Baik itu tidak serasi dengan penderitaan yang dialami oleh manusia sekaligus menafikan kewujudan Tuhan itu sendiri (J. L. Mackie, 1955). Seperti ungkapan Responden 3,

*Kalau Tuhan tu penyayang, dia akan bagi hambanya ketenangan bukannya ujian demi ujian. (R3/MS3/054)*

*Kalau ujian itu dikatakan untuk diberi kekuatan, kesabaran, sorry la, nak kuat, nak sabar ni tak perlu ujian pun. (R3/MS3/055)*

Pandangan ini mencerminkan skeptisisme terhadap idea bahawa penderitaan adalah instrumen yang diperlukan untuk melatih manusia supaya dapat bersabar dan kuat dalam menghadapi liku-liku kehidupan yang mencabar. Bahkan golongan ateis mengkritik kepercayaan bahawa ujian penderitaan dan kesusahan itu merupakan bentuk kasih sayang Tuhan terhadap hambaNya. Mereka berhujah bahawa jika Tuhan itu Maha Penyayang, Dia boleh memberikan kekuatan dan kesabaran secara langsung tanpa memerlukan penderitaan.

Ada pula pandangan yang menolak gagasan bahawa kasih sayang Tuhan mencakupi semua makhluk seperti dinyatakan oleh Responden 4,

*Dia mungkin mempunyai sedikit sifat kasih sayang buat beberapa makhluk yang dia sayang, tetapi bukan untuk semua. (R4/MS4/078)*

Pandangan ini mempersoalkan sifat Penyayang Tuhan. Mereka mempersoalkan bagaimana sifat Tuhan yang Maha Baik boleh digabungkan dengan wujudnya penderitaan yang tidak berkesudahan serta adanya golongan yang dilihat lebih "disayangi" daripada yang lain. Pandangan ini mencerminkan konsep bahawa Tuhan tidak benar-benar "menyayangi" tetapi hanya bersifat Rahim (mengasihani),

*Tuhan tidak menyayangi makhluknya, tuhan cuma boleh menunjukkan sikap "rahim", yakni mengasihani kepada makhluknya. (R4/MS3/076)*

Tuhan digambarkan sebagai entiti yang tidak mengasihi semua makhlukNya tetapi hanya mengasihani melalui sifat Rahim-Nya. Bahkan kasih sayang Tuhan mungkin hanya ditujukan kepada segelintir makhluk, bukan semua. Perspektif ini mempertikaikan idea kasih sayang Tuhan yang universal.

Terdapat juga pandangan yang mengkritik kewujudan neraka di akhirat kelak yang dinilai bercanggah dengan sifat Tuhan yang Maha Penyayang. Bagi mereka, menciptakan tempat yang penuh dengan siksaan adalah tindakan yang sukar diselaraskan dengan kasih sayang yang mutlak. Lebih daripada itu, kewujudan manusia sendiri dipersoalkan apabila Tuhan yang dikatakan menyayangi makhlukNya menciptakan mereka untuk mengalami kesusahan, penderitaan, dan risiko untuk dihukum.

*Kalau betul dia sayang, sepatutnya dia tak ciptakan neraka pun, atau dia tak ciptakan manusia pun. (R4/MS4/080)*

Umumnya, semua kenyataan ini menggambarkan ketidakpercayaan terhadap sifat kasih sayang Tuhan seperti yang dipegang dalam kepercayaan tradisional, dengan penekanan bahawa kasih sayang sejati tidak disertai ujian, penderitaan, atau hukuman. Pandangan lebih kritikal turut menyentuh tentang ketidakadilan dunia dan konsep akhirat dalam agama. Sepertimana kenyataan daripada Responden 4 dan Responden 5,

*Sungguh tidak adil. (R5/MS1/024)*

*Jika mengandaikan tuhan itu wujud, dunia ini memang tidak adil. Bahkan orang Islam juga bersetuju, sebab tu mereka kata segalanya akan diadili di mahkamah akhirat kelak. Cuma malangnya, mahkamah akhirat itu hanyalah satu mitos yang tidak terbukti. (R4/MS3/052)*

*Keadilan itu memang tidak akan dicapai di dalam semua perkara. Akhirat itu diwujudkan sebagai mitos untuk memuaskan hati semua orang, yakni kononnya "segala ketidakadilan akan diadili pada suatu hari nanti". Pun begitu, konsep Akhirat juga tidak akan mencapai keadilan hakiki, kerana Allah juga dikatakan akan, dan berhak, mengampuni sesiapa yang dikehendakinya. Ini termasuklah pembunuh yang membunuh 100 orang seperti yang diriwayatkan oleh hadith Bukhari dan Muslim, yang diampunkan hanya kerana dia dalam perjalanan untuk bertaubat. (R4/MS3/063-073)*

*Dengan menciptakan manusia, dan dengan membiarkan manusia menderita, dan kemudian berbillion daripada manusia itu akan disiksa oleh Allah sendiri di neraka selama infiniti tahun, adalah satu perbuatan zalim dan kejam. (R4/MS4/082)*

Kenyataan seperti “dunia ini memang tidak adil” dan “konsep Akhirat juga tidak akan mencapai keadilan hakiki” mencerminkan keraguan terhadap keadilan Tuhan, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Tanggapan ini timbul apabila realitinya manusia menjalani nasib hidup mereka yang berbeza-beza, maka Tuhan yang Maha Adil dipersoalkan kerana tidak memberikan nasib yang sama dalam kalangan manusia (Sami Amiri, 2016).

Namun, terdapat pandangan yang paling keras ketika responden menyifatkan Tuhan sebagai tidak adil, bahkan kejam, dengan menyatakan bahawa penciptaan manusia yang berakhir dengan penderitaan dan penyeksaan kekal di dalam neraka adalah satu tindakan yang zalim. Ketidakadilan di dunia dikaitkan dengan penderitaan manusia tanpa sebab yang jelas sedangkan di akhirat, sifat Maha Pengampun Tuhan yang dikatakan berhak mengampuni sesiapa sahaja dilihat sebagai mencabar keadilan hakiki. Hal ini disebabkan ia tidak memberikan penghakiman yang konsisten terhadap tindakan manusia

Secara ringkasnya, golongan ateis menafikan keadilan Tuhan disebabkan oleh kejahatan yang wujud di dunia serta penyeksaan yang berlaku di akhirat nanti. Tuhan dianggap sebagai tidak adil kerana tidak menghalang kejahatan, kezaliman serta penderitaan daripada berlaku di dunia.

### **Masalah Ketidaksempurnaan Tuhan Dalam Menghalang Kejahatan**

Pandangan ateis dalam membincangkan konsep keadilan Tuhan dilihat berdasarkan perspektif kritis terhadap kepercayaan agama. Ia mempertikaikan keadilan sejagat, sifat Maha Adil Tuhan, dan keupayaan manusia untuk melaksanakan keadilan di dunia ini. Golongan ateis berpandangan entiti Tuhan seharusnya memiliki segala kesempurnaan. Namun apabila kejahatan wujud, ia menafikan kesempurnaan Tuhan daripada aspek kekuasaanNya dan pengetahuanNya.

#### **Kekuasaan Tuhan**

Pada asasnya, kekuasaan Tuhan dipersoalkan melalui dua sudut pandang utama. Pertama, sifat kekuasaan itu sendiri dianggap sukar untuk difahami dan dihuraikan dengan jelas. Kekuasaan ini dilihat kabur, terutama apabila realiti kehidupan memperlihatkan kezaliman dan penderitaan yang berterusan. Pelbagai persoalan yang dilontarkan oleh golongan ateis dalam mempertikaikan permasalahan kejahatan tersebut menunjukkan ketidakpuasan hati mereka terhadap konsep ketuhanan yang sering digambarkan sebagai Maha Kuasa tetapi ianya terlihat tidak memberi sebarang kesan atau perubahan terhadap kejahatan yang berlaku di dunia.

*Berkuasa tapi berkuasa dengan cara macam mana, kita tak boleh huraikan, kita tak tahu, kita tak nampak dengan jelas. (R1/MS9/213)*

Kedua, pandangan ini mempertikaikan peranan Tuhan dalam kehidupan manusia dengan menekankan hukum sebab dan akibat. Dalam alam semesta, segala sesuatu dikatakan terjadi bersebab seperti kemiskinan, kekayaan, kebahagiaan, dan kesedihan semuanya berpunca daripada sesuatu yang nyata, bukan daripada kuasa ghaib. Ini berdasarkan kepada kenyataan Responden 1,

*Dalam alam ni, kita ada hukum sebab dan akibat. So, orang jadi miskin bersebab, orang jadi kaya bersebab, orang sedih bersebab, orang gembira pun bersebab. Dia tak ada muncul daripada kosong. Dia mesti muncul daripada sesuatu. (R1/MS10/239)*

Pandangan ini memperkukuh tanggungjawab manusia atas nasib mereka sendiri, di mana usaha, pilihan, dan tindakan manusia adalah faktor penentu utama sesuatu kejahatan itu berlaku. Sebarang kejayaan atau kegagalan, menurut pandangan ini, tidak patut disandarkan sepenuhnya kepada Tuhan, kerana ini hanya akan mengurangkan tanggungjawab individu. Keadilan di dunia ini adalah tanggungjawab manusia dan ia tidak ada kaitan dengan Tuhan. Hal ini mengisyaratkan bahawa setiap kezaliman serta penderitaan yang dianggap tidak adil ini

dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada manusia. Sebagaimana pendapat Responden 2 dan Responden 3,

*Untuk saya, kan, saya rasa itu bukan apa yang saya percaya sebab memang kita yang boleh mempengaruhi apa yang kita nak. (R2/MS5/105)*

*I think the idea of saying that all of this is from God is kind of like, for me, taking away personal responsibility of how you feel and what not. (R2/MS5/108)*

*So sebenarnya manusia tu sendiri yang uruskan diri sendiri. Kaya atau miskin sebab diri sendiri usaha macam mana. (R3/MS4/085)*

*So sebenarnya ini semua dari individu. Adil or tak adil memang dari manusia. Tuhan takde buat apa pun. (R3/MS5/117)*

*Ada atom-atom ketuhanan tu dalam diri kita, sebab tu bila kita buat, bila kita manifest sesuatu, benda tu memang akan jadilah. (R1/MS8/193)*

Berdasarkan pandangan Responden 2 dan 3 ini, ianya dapat difahami bahawa keputusan untuk melakukan kejahatan adalah pilihan yang dibuat oleh manusia sendiri. Oleh sebab itu, mereka bertanggungjawab atas pilihan mereka tersebut. Pandangan ateis ini menekankan konsep keadilan Tuhan sebagai prinsip pemikiran mereka berpendapat Tuhan tidak akan menciptakan keburukan dan keburukan adalah hasil daripada pilihan manusia semata-mata.

Tambahan lagi, terdapat keyakinan bahawa manusia mempunyai kemampuan dalaman yang luarbiasa untuk mencipta realiti mereka sendiri. Konsep "atom-atom ketuhanan" dalam diri manusia membawa idea bahawa manusia adalah agen perubahan utama dalam hidup mereka. Apabila manusia bertindak dan memanifestasikan keinginan mereka, hasilnya dikatakan selari dengan usaha mereka, tanpa perlu mengaitkannya kepada kuasa luar. Dalam konteks ini, kepercayaan kepada Tuhan dilihat sebagai suatu cara untuk mengelakkan tanggungjawab peribadi terhadap emosi, tindakan, dan hasil dalam kehidupan menurut ateis. Hal ini sejajar dengan pandangan Mackie (1955) dan Rowe (1979) yang berpandangan penderitaan yang dihadapi oleh manusia menafikan kekuasaan Tuhan dan seterusnya kewujudanNya. Kezaliman, penderitaan, dan kejahatan yang terjadi di dunia ini menjadi asas kritikan terhadap sifat Maha Kuasa Tuhan. Sebaliknya, manusia dilihat sebagai agen utama dalam menentukan nasib mereka melalui usaha dan tindakan, berpandangan hukum sebab dan akibat.

### Pengetahuan Tuhan

Ateis juga mempersoalkan sifat Tuhan yang Maha Mengetahui, satu sifat yang sering dikaitkan dengan ketuhanan dalam banyak tradisi agama. Refleksi ini mencabar keyakinan tradisional tentang sifat Tuhan melalui persoalan logik dan pemerhatian terhadap realiti kehidupan.

Pertama, persoalan tentang bagaimana manusia boleh mengetahui bahawa Tuhan itu Maha Mengetahui diujahkan.

*Macam mana kita nak tahu Tuhan tu tahu, kita pun tak tahu macam mana Tuhan tu tahu kan. (R1/MS11/280)*

*Kalau kita nak kata pula macam mana kita boleh tahu Tuhan tu maha tahu, kita pun tak pernah jumpa depan-depan. (R1/MS12/285)*

P

enyataan seperti, "*Kita pun tak pernah jumpa depan-depan,*" menunjukkan keraguan terhadap bukti empirikal atau pengalaman langsung yang boleh menyokong sifat Tuhan sebagai Maha Mengetahui. Pandangan Responden 1 ini menunjukkan bahawa sifat Tuhan dilihat sering kali diterima secara dogma atau suatu kepercayaan tanpa adanya bukti nyata yang dapat diterima oleh akal manusia. Pandangan ini secara tidak langsung mencerminkan cabaran epistemologi, iaitu bagaimana manusia boleh memperoleh pengetahuan tentang sesuatu yang berada di luar pengalaman dan pemerhatian mereka. Hal ini sekaligus menolak konsep beragama dalam kehidupan manusia kerana doktrin ketuhanan yang terkandung dalam kebanyakan agama dilihat sebagai sumber kejahatan dan penindasan dalam sejarah manusia menurut golongan ateis (Hitchens, 2007).

Kedua, persoalan tentang kejahatan dan penderitaan di dunia menambah dimensi kritis kepada perbincangan ini. Jika Tuhan benar-benar Maha Mengetahui, mengapa masih wujud kejahatan, penderitaan, dan ketidakadilan dalam dunia ini? Pertanyaan ini menyerang konsep ketuhanan tradisional dengan merujuk kepada masalah kejahatan (*problem of evil*), di mana kehadiran kejahatan nampaknya bertentangan dengan idea Tuhan yang Maha Mengetahui, Maha Kuasa, dan Maha Penyayang. Sebagaimana Responden 5 menyatakan,

*Jika Dia mengetahui kenapa masih ada kejahatan dan penderitaan di dunia ini. (R5/MS1/018)*

Selain itu, terdapat pendapat yang lebih radikal seperti,

*Nope. Tuhan tak tahu apa pun. Kalau tahu, dia takkan buat "ciptaan" yang jahat. (R3/MS2/033)*

Pandangan ini mencabar sifat kesempurnaan Tuhan dengan mendakwa bahawa kewujudan kejahatan adalah bukti bahawa Tuhan sama sekali tidak mempunyai sifat Maha Mengetahui. Bahkan jika Tuhan wujud sekalipun, Tuhan tidak memiliki pengetahuan yang sempurna. Hal ini mengandaikan bahawa pencipta yang benar-benar sempurna tidak akan menghasilkan sesuatu yang membawa keburukan atau penderitaan kepada ciptaannya sendiri.

Umumnya, penafian terhadap sifat-sifat Allah yang sempurna bertitik tolak daripada kewujudan penderitaan dan kejahatan yang berterusan, seakan-akan tidak ada penghubungnya. Golongan ateis berpandangan bahawa Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa sepatutnya mampu menghalang atau menghilangkan segala penderitaan yang berlaku di dunia ini tanpa kehilangan kebaikan yang lebih besar atau membenarkan kejahatan yang sama buruk atau lebih buruk (Rowe, 1979). Namun, ianya tidak seperti itu, maka akhirnya mereka membuat kesimpulan bahawa Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa itu tidak wujud.

Ada pula pandangan yang bersifat lebih skeptis, contohnya, *Kalau dia ada, mungkin. (R4/MS2/034)*. Ini menunjukkan keraguan tentang bukan sahaja sifat Tuhan tetapi juga kewujudannya. Dalam pandangan ini, sifat Maha Mengetahui dilihat sebagai sesuatu yang hanya boleh diterima jika kewujudan Tuhan dapat dibuktikan terlebih dahulu. Tanpa bukti kewujudan Tuhan, membincangkan sifat-sifat-Nya dianggap tidak relevan atau spekulatif.

### Masalah Takdir

Berkenaan dengan konsep takdir, Responden 1 berpandangan bahawa setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan mempunyai sebab dan akibat. Menurut pandangan ini, kepercayaan kepada takdir sering kali menjadi alasan untuk bersikap pasrah atau menyerah sebelum berusaha. Sebagai contoh, apabila seseorang berkata, "Ini takdir saya," ia mungkin mencerminkan keadaan di mana individu tersebut tidak berjuang sepenuhnya untuk mencapai apa yang diimpikan.

*Semuanya ada hukum sebab dan akibat. Kalau kita nak kata sesuatu takdir tu, sebab apa kita kata sesuatu takdir? Sebab sebenarnya dalam hati kita, kita dah pasrah, kita dah menyerah awal-awal, kita tak fight untuk apa yang kita impikan, apa yang kita mahukan. (R1/MS11/259)*

*Tuhan ciptakan alam and then Tuhan lepaskan. Tuhan lepaskan tanggungjawab. Tuhan tak campur tangan dengan alam dah. Manusia tu dah bertanggungjawab pada diri dia sendiri. Itulah saya pegang. Sebab saya nampak itu lebih rasional lah bagi saya. Manusia tu tentukan takdir hidup sendiri kan. (R1/MS19/481)*

Terdapat persamaan di antara pandangan golongan ateis dengan fahaman ahli falsafah deis yang berpandangan Tuhan tidak mempunyai intervensi terhadap kejadian di dunia setelah menciptakannya. Voltaire, ahli falsafah Perancis abad pertengahan yang menolak konsep keadilan Tuhan khususnya pandangan Leibniz yang berpandangan semua yang diciptakan Tuhan adalah yang terbaik. Voltaire (2005) dalam bukunya *Candide* mempersendakan kekuasaan Tuhan yang tidak masuk campur dalam urusan dunia contohnya apabila terjadi bencana alam yang meragut nyawa manusia. Tuhan seolah-olah hanya seperti pembuat jam yang menciptakan jam dan kemudian membiarkannya bergerak sendiri. Tuhan menciptakan alam dan ianya bergerak mengikut hukum alam sebab dan akibat tanpa ada campur tangan Tuhan selepas daripada penciptaannya.

Di sisi lain, Responden 2 lebih berpegang kepada kepercayaan bahawa Tuhan menciptakan alam semesta dan memberikan manusia pilihan dan tanggungjawab untuk menguruskan kehidupannya. Manusia tidak lagi dianggap sebagai makhluk yang ditentukan sepenuhnya oleh kehendak Tuhan, tetapi sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap nasib sendiri. Tuhan memberi alat atau peluang seperti kesihatan, akal fikiran, dan kebolehan untuk digunakan, tetapi bagaimana alat tersebut dimanfaatkan bergantung sepenuhnya kepada manusia.

*I mean, kalau memang seorang itu percaya, percayalah bahawa Tuhan itu, Dia akan cakap, I can give you the tools to live a healthy life, but you are the one who decides what to do with the tools that I give you. (R2/MS7/171)*

*Semua baik dan semua buruk, kita je yang buat. Kita je yang buat untuk diri sendiri. (R2/MS8/187)*

Pandangan ini juga menyatakan bahawa semua kebaikan atau keburukan yang berlaku dalam hidup adalah hasil daripada tindakan manusia sendiri. Ini bermakna, manusia bukan sahaja bebas, tetapi bertanggungjawab penuh atas kesan baik atau buruk dari setiap keputusan dan tindakan mereka. Adapun menurut aliran Asha'irah Tuhan menciptakan semua perbuatan tetapi dalam masa yang sama manusia bebas untuk bertindak dan bertanggungjawab di atas segala

tindakan yang diambil (al-Shahrastani, 1992). Golongan ateis agnostik menafikan campurtangan Tuhan dalam setiap kejadian yang berlaku.

Responden 3, Responden 4, dan Responden 5 sepakat memberikan pandangan yang sama berkaitan konsep takdir. Mereka mengatakan bahawa manusia adalah penentu nasib mereka sendiri iaitu kejayaan atau kegagalan seseorang ditentukan oleh usaha dan tindakan individu tersebut. Ini merupakan satu fahaman yang menekankan peranan akal fikiran, budi pekerti, keintelektualan, martabat manusia dan kemampuannya sendiri. Dengan kata lain, manusia berhak menentukan nasibnya sendiri dengan kekuatan diri sendiri (Ali Shari'ati, 1980). Manusia juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap akibat daripada keputusan yang mereka ambil dalam hidup mereka.

*So sebenarnya manusia tu sendiri yang uruskan diri sendiri. Kaya atau miskin sebab diri sendiri usaha macam mana. (R3/MS4/085)*

*Ditentukan oleh manusia, tetapi ada banyak kebetulan yang berlaku, yang nampak seperti ia ditentukan oleh entiti lain. (R4/MS2/044)*

*Takdir ditentukan sendiri oleh diri sendiri. (R5/MS1/022)*

Bahkan ada juga pandangan yang mengatakan takdir merupakan sebuah konsep yang subjektif. Takdir tidak semestinya ditentukan oleh Tuhan atau manusia secara mutlak, tetapi turut dipengaruhi oleh persekitaran dan kebetulan. Sesuatu kejadian yang berlaku secara tidak diduga atau kebetulan ini sering dianggap sebagai ketentuan daripada entiti luar, tetapi sebenarnya ia hasil siri sebab dan akibat yang kompleks.

*Takdir. Takdir ni subjektif. Saya tak kata ditentukan manusia or tuhan. Saya lebih kepada ditentukan oleh persekitaran manusia itu. (R3/MS2/039)*

Pandangan yang dikemukakan Responden 3 ini hampir dengan apa yang diperkatakan oleh Responden 4 yang berpendapat bahawa takdir bukanlah sesuatu yang ditentukan oleh Tuhan, tetapi oleh siri kejadian yang melibatkan keputusan manusia dan faktor luaran.

*Sesuatu perbuatan itu juga mempunyai kesan dan akibat kepada perkara lain, yang menyebabkan sesuatu perkara itu berlaku di luar kawalan kita dan "ditentukan", tetapi ia ditentukan oleh siri perkara yang panjang, bukan oleh Tuhan menurut saya, dan pastinya bukan oleh Allah. (R4/MS2/046)*

Hal ini menunjukkan bahawa kejadian yang berlaku dalam kehidupan manusia di dunia ini adalah asbab daripada setiap keputusan serta pilihan yang dibuat sepanjang perjalanan hidup serta pengaruh persekitaran yang lain. Ia bukan takdir Tuhan sepertimana yang dipegang oleh kebanyakan golongan beragama.

### **Analisis Menurut Perspektif Islam**

Secara umumnya, persoalan yang diutarakan oleh golongan ateis berkaitan dengan ketidakadilan Tuhan boleh difahami daripada aspek ujian, kehendak bebas manusia dan wujudnya balasan akhirat menurut perspektif Islam.

### **Ujian**

Kejahatan yang berlaku kepada manusia seharusnya dilihat sebagai ujian hidup termasuk kejadian buruk (al-Anbiya' 21: 35). Ujian ini dari satu sisi bertujuan untuk membantu jiwa manusia mencapai kesempurnaan (al-Mulk 67:2). Sepertimana yang berlaku kepada kesabaran yang dipaparkan oleh Nabi Ayub dan penyerahannya kepada Allah ketika menghadapi kesakitan yang mengangkat darjatnya (al-Anbiya' 21: 83-84). Dalam memahami kesusahan dan penderitaan dalam kehidupan, manusia sering menyalahkan Tuhan apabila ditimpa dengan musibah. Sebaliknya apabila mendapat nikmat mereka menyangka mereka dimuliakan oleh Allah. Hal ini seperti yang difirmankan Allah SWT:

فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهْنَنِ

Maksudnya: Maka adapun manusia, apabila Tuhannya mengujinya lalu dia dimuliakan dan diberi kesenangan, dia berkata, "Tuhanku telah memuliakanku." Adapun apabila Tuhannya mengujinya lalu membatasi rezekinya, dia berkata, "Tuhanku telah menghinakanku. (Surah al-Fajr 89: 15-16)

Namun pada hakikatnya, ujian bukan sahaja pada musibah dan penderitaan tetapi ujian juga terdapat dalam kesenangan dan kekayaan seperti firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْحَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya: Setiap yang bernyawa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai ujian. Dan kamu akan dikembalikan kepada Kami. (Surah al-Anbiya' 21: 35)

Sudah menjadi lumrah kehidupan, setiap insan pasti akan melalui pelbagai bentuk ujian yang sangat memberi kesan dalam kehidupan. Adakalanya ujian tersebut datang secara bertubi-tubi sehingga kebanyakan manusia berasa sangat lelah dan penat dengan hidupnya. Rentetan itu, terdapat manusia yang tidak dapat berfikir waras ketika diuji menyebabkan mereka sanggup menyalahkan Tuhan serta mempersoalkan keadilan-Nya. Ujian yang diberikan oleh Allah kepada hambaNya bukanlah sesuatu yang malang dalam setiap waktu. Namun, dengan ujian yang diterima di dunia, manusia akan mendapat balasan yang baik di akhirat kelak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir, Rasulullah SAW bersabda,

يَوْمَ أَهْلُ الْعَاقِبَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حِينَ يُعْطَى أَهْلُ الْبَلَاءِ الثَّوَابَ لَوْ أَنَّ جُلُودَهُمْ كَانَتْ قُرْصَتٍ فِي الدُّنْيَا بِالْمَقَارِضِ

Maksudnya: "Pada hari kiamat, orang-orang yang hidup sejahtera (di dunia dahulu) ingin, ketika orang-orang yang diuji dengan musibah diberikan ganjaran, seandainya kulit mereka dipotong dengan gunting-gunting di dunia." (Riwayat al-Tirmidzi)

Hal ini secara tidak langsung menolak hujah Rowe (1979) dalam *Evidential Problem of Evil* yang menyebutkan "Terdapat penderitaan yang sangat hebat di mana Tuhan yang Maha Kuasa

dan Maha Mengetahui boleh menghalangnya”. Apa yang berlaku ke atas manusia boleh dihalang sekiranya Allah kehendaki. Penderitaan yang berlaku walaupun pada zahirnya kelihatan seperti sesuatu yang buruk namun pada hakikatnya adalah satu kelebihan buat orang yang menghadapinya seperti yang disebutkan dalam hadis di atas.

### Kehendak Bebas Manusia

Kejahatan moral adalah perbuatan yang bertentangan dengan kebaikan yang dilakukan oleh manusia atas pilihannya serta kehendaknya sendiri. Oleh itu, jawapan kepada bagaimana kejahatan moral berlaku adalah disebabkan oleh pilihan manusia sendiri hasil daripada kehendak bebas yang diberikan oleh Allah kepada setiap manusia. Dalam perbincangan ilmu kalam, perbuatan ini adalah dianggap sebagai perbuatan pilihan (*af'āl ikhtiyāriyyah*) yang dengannya diberikan balasan baik sekiranya ia adalah ketaatan dan diberikan balasan buruk sekiranya ia adalah kemaksiatan. Jika manusia tidak mempunyai perbuatan pilihan, pentaklifan terhadapnya adalah tidak absah. Begitu juga halnya berkaitan haknya untuk mendapat balasan baik dan buruk berdasarkan perbuatannya. Sandaran perbuatan terhadap manusia secara hakiki didahului dengan kehendak dan pilihan seperti solat, puasa adalah tidak absah. Hal ini berbeza dengan keadaan seseorang budak yang semakin meninggi tanpa kemahuannya (al-Taftazani, 2017). Balasan bagi pilihan ketaatan telah disebutkan dalam al-Quran seperti firman Allah,

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءُ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan mengembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan. (Surah al-Sajdah 32: 17)

Semua perbuatan adalah ciptaan Allah namun terdapat ruang tertentu bagi kuasa dan kehendak manusia terhadap perbuatannya seperti pergerakan yang berlaku disebabkan genggam tangan tetapi tidak sedemikian daripada pergerakan yang berlaku disebabkan getaran. Allah adalah pencipta (*khāliq*) bagi segala sesuatu manakala manusia pula adalah pelaku (*kasib*). Kuasa dan kehendak manusia adalah perbuatan (*kasb*) manakala yang menjadikannya ia berlaku (*ijād*) sama seperti kehendak dan kuasa manusia adalah Allah yang disebutkan sebagai ciptaan (*khalq*). Justeru, *maqdūr* yang satu berada di bawah dua *qudrah* tetapi daripada dua aspek yang berbeza. Perbuatan tersebut ialah *maqdūr* Allah dari aspek *ijād* dan *maqdūr* manusia adalah dari aspek *kasb*. Ringkasnya, perbuatan manusia adalah ciptaan Allah dan dalam masa yang sama manusia juga mempunyai *qudrah* dan *ikhtiyār* terhadap perbuatan tersebut. Perbezaan antara *kasb* dan *khalq* adalah *kasb* terhasil melalui alat tertentu manakala *khalq* terhasil tanpa alat tertentu (al-Taftazani, 2017).

Tegahan Allah terhadap perkara yang ditegahNya dan menjadi hakNya sebagai Penegah menunjukkan keadilan dan kebijaksanaanNya yang mutlak. Malah kepemurahan, kebijaksanaan dan pengetahuanNya berkenaan apa yang akan berlaku telah sabit melalui banyak dalil *qat'ī*. Sekiranya diletakkan kewajiban ke atas Allah, maka perintah Allah bagi manusia yang berhak mendapat balasan adalah sia-sia sahaja. Oleh itu, dakwaan tersebut jelas bertentangan dengan konsep *ikhtiyār* bagi Allah (al-Taftazani, 2017).

Allah SWT telah menciptakan perkara-perkara kebaikan serta perkara-perkara kejahatan. Namun, Allah SWT juga telah memberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih sama

ada mahu melakukan kebaikan atau kejahatan. Melalui kebebasan ini walaupun ianya bukan mutlak, tetapi tetap ada dua kemungkinan iaitu lebih banyak kebaikan berlaku atau sebaliknya kejahatan yang banyak berlaku. Pada dasarnya, bukan Allah SWT yang menyebabkan berlakunya kejahatan itu kerana kejahatan muncul akibat manusia tidak mempergunakan kebebasannya untuk kebajikan (Budhy, 2022). Oleh kerana itu, keadilan Allah SWT tidak seharusnya dipersoalkan ketika membahaskan tentang permasalahan kejahatan ini.

Pembenaran Tuhan bagi terjadinya kejahatan tidak menunjukkan kekurangan pada sifat kekuasaan Tuhan. Pencegahan Tuhan terhadap berlakunya kejahatan bukanlah sama seperti wajibnya bagi Tuhan untuk menghilangkan kejahatan kerana ia bertentangan dengan logik. Ini adalah kerana Tuhan mengizinkan kejahatan untuk wujud disebabkan Tuhan telah mengurniakan kepada manusia kebebasan berkehendak dan memilih antara baik dan buruk serta menguji niat dan perbuatan mereka. Hal tersebut tidaklah termasuk dalam kekuasaan Tuhan lalu atas kesempurnaanNya Dia perlu menghilangkan kejahatan. Malahan ia tidak logik sekiranya Tuhan hendak menguji hambaNya dengan kebaikan dan kejahatan tanpa di sana wujudnya kejahatan.

### **Wujud Balasan Akhirat**

Dalam membahaskan konsep teodisi menurut Islam, manifestasi keadilan Allah dapat dibuktikan menerusi kewujudan balasan di hari akhirat. Keadilan Allah di akhirat adalah suatu konsep yang penting dan fundamental dalam ajaran Islam. Islam menekankan bahawa tiada sebarang ketidakadilan dalam balasan yang diberikan terhadap setiap amal perbuatan manusia. Islam mengajarkan bahawa kehidupan dunia ini hanyalah sementara dan kehidupan yang abadi terletak di akhirat, di mana setiap perbuatan manusia akan diadili dengan sempurna. Setiap amal perbuatan, sama ada baik atau buruk, akan dibalas dengan ganjaran atau hukuman yang setimpal, tanpa sebarang ketidakadilan. Dalam konteks ini, Allah Maha Adil, kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh hamba-Nya, baik yang dilakukan dengan ikhlas atau yang disertai dengan niat buruk, akan dinilai dengan penuh kebijaksanaan dan keadilan-Nya. Seperti firman Allah:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۖ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۖ

"Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarrah, dia akan melihatnya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarrah, dia akan melihatnya."  
(Surah Al-Zalzalah 99:7-8).

Keadilan Allah juga mencakupi penilaian yang tidak hanya berdasarkan perbuatan luar, tetapi juga melibatkan niat dan keadaan hati seseorang. Ini berbeza dengan penilaian manusia, yang sering kali hanya melihat perbuatan luaran tanpa menyelami niat dan tujuan sebenar seseorang. Dalam hadis Nabi Muhammad SAW, disebutkan bahawa Allah menilai setiap amal perbuatan berdasarkan niatnya. Bahkan jika suatu perbuatan itu tidak sempat dilaksanakan, tetapi niat untuk melakukannya adalah ikhlas kerana Allah, maka pahala tetap diberikan. Ini menunjukkan bahawa keadilan Allah tidak hanya melihat perbuatan zahir, tetapi juga memperhitungkan keadaan batin dan niat setiap individu.

Selain itu, keadilan Allah diakhiri dengan sifat rahmat dan pengampunan-Nya. Walaupun seseorang itu melakukan dosa, Allah, dalam kebesaran-Nya, memberi peluang kepada hamba-Nya untuk bertaubat dan mengampuni dosa mereka. Seperti firman Allah,

قُلْ لِّعِبَادِي الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ  
جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri kalian sendiri, janganlah kalian berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni segala dosa. Sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun, Maha Penyayang." (Surah Az-Zumar 39:53)

Ayat di atas menekankan bahawa Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang, dan Dia tidak akan mengabaikan taubat orang yang benar-benar menyesali perbuatan dosa mereka. Ini menunjukkan bahawa keadilan Allah tidak terpisah daripada rahmat-Nya, di mana setiap dosa dapat diampuni dengan taubat yang ikhlas, dan setiap individu diberi peluang untuk mendapatkan pembalasan yang lebih baik.

Di akhirat nanti, keadilan Allah akan menjadi nyata sepenuhnya, di mana setiap individu akan dihadapkan dengan segala amal perbuatan mereka, dan setiap perbuatan akan diberi balasan yang sesuai dengan ketetapan-Nya yang Maha Adil. Allah berfirman:

ذَٰلِكَ بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيكُمْ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَالِمٍ لِّلْعَبِيدِ

Maksudnya: "Pada hari ini, setiap jiwa akan menerima balasan dengan apa yang telah dikerjakannya, dan Allah tidak akan menzalimi seorang pun." (Surah Al-Imran 3:182)

Ayat ini menegaskan bahawa balasan yang diberikan oleh Allah adalah setimpal dengan amal perbuatan setiap individu, dan tiada sebarang penzaliman akan berlaku. Allah akan memberi kepada setiap orang balasan yang adil berdasarkan ketetapan-Nya, tanpa sebarang kekurangan atau kelebihan yang tidak sesuai dengan perbuatan mereka.

Kesimpulannya, analisis menurut perspektif Islam memberikan pandangan yang menyeluruh terhadap ketidakadilan Tuhan menurut golongan ateis. Islam menegaskan bahawa kejahatan dan penderitaan yang berlaku adalah sebahagian daripada ujian dan hikmah Tuhan yang bertujuan untuk menguji manusia dan meningkatkan darjat mereka. Manusia juga diberikan kebebasan dalam membuat pilihan dan perlu bertanggungjawab atas setiap pilihan sendiri. Selain itu, kepercayaan kepada balasan akhirat menjadi asas untuk memahami keadilan Tuhan secara lengkap. Oleh itu, kewujudan kejahatan bukanlah satu pertentangan terhadap kewujudan Tuhan, tetapi bukti akan keagungan hikmah-Nya yang tidak dapat ditandingi.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, persepsi negatif golongan ateis di Malaysia terhadap konsep keadilan Tuhan berpunca daripada salah faham terhadap makna sebenar penderitaan, kejahatan dan ujian hidup dalam kerangka kepercayaan agama. Mereka cenderung menilai keadilan Tuhan melalui lensa pengalaman peribadi dan realiti kehidupan yang menyakitkan, lalu mengaitkannya secara langsung dengan ketidakadilan dan ketiadaan Tuhan. Persepsi negatif muncul berdasarkan masalah kejahatan, masalah ketidaksempurnaan Tuhan dalam menghalang kejahatan dan masalah takdir. Adapun menurut perspektif Islam, kejahatan dan penderitaan boleh difahami daripada aspek ujian, kehendak bebas manusia serta wujud balasan akhirat dalam memahami

keadilan Tuhan. Dapatan ini menekankan keperluan untuk memperjelas konsep teodisi dalam Islam secara komprehensif, agar dapat membina kefahaman yang seimbang dan rasional tentang keadilan Ilahi, seterusnya merungkai kekeliruan yang menjadi asas kepada penolakan terhadap kewujudan Tuhan.

Melalui usaha yang melibatkan NGO, Jabatan Agama, dan institusi pendidikan, kajian dan tindakan dan pemerkasaan terhadap kefahaman teodisi dapat dilakukan secara menyeluruh bagi mengelakkan umat Islam daripada salah faham dan seterusnya terjebak dalam fenomena ateisme. Setiap pihak memainkan peranan tersendiri untuk menyumbang kepada kefahaman masyarakat tentang isu kejahatan dan kewujudan Tuhan serta memupuk dialog yang konstruktif antara pandangan yang berbeza.

## Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor di bawah projek bertajuk 'Elemen Teodisi dalam Pemikiran Ateis di Selangor'. Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-007.

## Rujukan

- Abd al-Rahman Badawi. (1980). *Min Tarikh al-Ilhad fi al-Islam*. Bayrut: Muassasah al-'Arabiyyah.
- Abu Yusuf, M. (2016). Apa Yang Berlaku Di Gua Hira. Dlm. <https://abu-yusufmalizi.blogspot.com/2023/12/apa-yang-berlaku-di-gua-hira-dan-apa.html>.
- Abu Yusuf, M. (2016). Kenapa Saya Tinggalkan Islam?. Dlm. <http://abuyusufmalizi.blogspot.com/p/kenapa-aku-tinggal-islam.html>.
- Abu Yusuf, M. (2016). Tentang Saya. Dlm. <https://abu-yusufmalizi.blogspot.com/p/tentang-saya.html>.
- Ahmad Faizuddin Ramli, Muhammad Ridhwan, S., Norazlan, H., & Siti, A. (2022). Understanding The Atheism Phenomenon Through The Lived Experiences of Muslims: An Overview of Malaysian Atheists. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies*, 78(1), 1-8.
- Anthony Flew. (2007). *There is a God: How the World's Most Notorious Atheist Changes His Mind*. New York: HarperCollins.
- Elshinawy, M. (2019). *Why do people suffer? God's existence & the problem of evil*. Yaqeen Institute for Islamic Research.
- Hume, D. (1779). *Dialogues Concerning Natural Religion*. Book X. <https://doi.org/10.1093/oseo/instance.00044084>
- Ibn Warraq. (1995). *Why I am Not A Muslim*. New York: Prometheus Books.
- Krok, D., Zarzycka, B. & Telka, E. (2021). Religiosity, Meaning-Making and the Fear of COVID-19 Affecting Well-Being Among Late Adolescents in Poland: A Moderated Mediation Model. *J Relig Health* 60, 3265–3281.
- Mackie, J. L. (1955). Evil and Omnipotence. *Mind*, 64(254), 200-212.
- Milman, E., Lee, S. A., Neimeyer, R. A., Mathis, A. A., & Jobe, M. C. (2020). Modeling pandemic depression and anxiety: The mediational role of core beliefs and meaning making. *Journal of Affective Disorders Reports*, 2, 100023.
- Muhammad 'Abd al-Fadil al-Qusi. (1997). *Hawamish 'ala al-Iqtisad fi al-I'tiqad li Hujjah al-Islam al-Ghazali: al-Qutban al-Thalith wa al-Rabi'*, cet. ke-2. t.tp., t.p.,.
- Muhammad Ardani, M. R. (2020). *Fahaman Ateisme Malaysia Di Media Sosial*. Latihan Ilmiah. Universiti Islam Selangor.
- Muhammad Rashidi, W. (2018). *Ateisme Satu Penelitian Awal*. Putrajaya: JAKIM.
- Park, C. L. & Blake, E. C. (2020). Resilience and Recovery Following Disasters: The Meaning Making Model. Dlm S. E. Schulenberg (Ed.), *Positive Psychological Approaches to Disaster* (hlm 9-25), Springer.
- Park, C. L. (2010). Making Sense of the Meaning Literature: An Integrative Review of Meaning Making and Its Effects on Adjustment to Stressful Life Events. *Psychological Bulletin*, 136(2), 257-301.
- Rowe, W. L. (1979). The Problem of Evil and Some Varieties of Atheism. *American Philosophical Quarterly*, 16(4), 335-341.
- Ruse, Michael. (2013). 'The Socio-Biological Account of Religious Belief', in *The Routledge Companion to Philosophy of Religion*. Routledge, Oxford.
- Sami Al-Amiri. (2016). *Mushkilat Al-Shar wa wujud Allah – Al-Rad ala Abrz Shubuhah Al-Malahida*. London: Takwin lil Diasat wa Al-Abhath.
- Voltaire, Francois. (2005). *Candide, or Optimism*. Theo Cuffe (trans). UK: Penguin Classics